

Headline	Definisi kabur		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	17	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	261 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,505
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,515



LAWAT...Dr Mohd Shukor (tiga dari kiri) melihat pameran Hari Inovasi LHDN peringkat kebangsaan, semalam

Bantuan kewangan RM500

Definisi kabur

LHDN tunggu MOF perkemas istilah isi rumah

>>Oleh Izlaily Nurul Ain Hussein

izlaily@hmetro.com.my

BANGI: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menunggu keputusan Kementerian Kewangan (MOF) memuktamadkan definisi isi rumah yang dijangka diputuskan dua minggu lagi bagi menyalurkan bantuan kewangan RM500 kepada isi rumah berpendapatan bawah RM3,000 sebulan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Mohd Shukor Mahfar berkata, perbezaan maksud isi rumah yang diguna pakai pelbagai jabatan dan agensi menyebabkan MOF perlu memastikan golongan yang layak menerima saja membuat permohonan bagi memudahkan proses pemilihan yang dijangka dibuat Disember ini.

"Sebagai contoh, bagi Jabatan Statistik Negara, jika

tiga keluarga tinggal di dalam sebuah rumah, dikira tiga isi rumah, namun berbeza dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang mengandaikan ia sebagai satu isi rumah walaupun terdapat dua atau tiga keluarga tinggal bersama dalam satu rumah.

"Oleh itu, MOF cuba memperlincirkan dan memberikan definisi terbaik supaya mereka yang menerima bantuan kewangan ini semestinya layak memohon, selain memudahkan kami membuat proses pemilihan selepas borang pendaftaran diedarkan kelak," katanya selepas merasmikan Hari Inovasi LHDN peringkat kebangsaan di Akademi Percukaian Malaysia, di sini, semalam.

Menurutnya, di peringkat LHDN yang ditugaskan menjaga urusan pendaftaran, borang berkenaan sudah sedia ada dan seterusnya peruntukan yang diumumkan

kan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam Bajet 2012 lalu itu dapat diterima mereka yang layak pada Januari tahun depan secara berperingkat.

Dr Mohd Shukor berkata, borang itu nanti boleh dimuat turun melalui laman web rasmi LHDN selain mendapatkannya terus di 36 pejabat cawangan dan 17 pusat khidmat hasil di seluruh negara.

Sementara itu, katanya, selepas borang dihantar oleh pemohon, ia akan diproses sekurang-kurangnya dalam jangka masa 14 hari bekerja dan pembayaran akan dibuat melalui bank yang dilantik oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

"Dengan peruntukan yang dipersetujui kerajaan ini, ia membantu meringankan beban kewangan ketua keluarga dan dijangkakan lebih daripada tiga juta warga negara Malaysia bakal menerima bantuan yang diberikan ini," katanya.